

29/08/1999

Pemuda IPF bantah Samu Vellu

KUALA LUMPUR: Pergerakan Pemuda Barisan Progresif India (IPF) membantah kenyataan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu yang menolak sokongan dan sumbangan IPF pada pilihan raya akan datang.

Ketua pergerakan pemuda parti itu, M Sambanthan, berkata beliau kesal dengan kenyataan itu dan berpendapat hanya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi Barisan Nasional (BN) yang berhak memutuskan sama ada mahu menerima sokongan dan sumbangan IPF.

"IPF dalam Perhimpunan Agungnya pada 1 Ogos lalu memutuskan untuk memberi sokongan padu kepada BN dan calonnya walaupun kami bukan parti komponen BN tetapi kenyataan yang dibuat oleh Presiden MIC itu tidak wajar kerana hanya Perdana Menteri yang boleh membuat keputusan itu," katanya.

Sehubungan itu, IPF Pusat akan menghantar memorandum kepada Perdana Menteri berhubung kenyataan Samy Vellu itu, katanya.

Menurut beliau, IPF turut memainkan fungsi dalam memastikan kemenangan calon BN ketika pilihan raya 1995 dan buktinya Perdana Menteri telah melantik Presiden IPF M G Pandithan sebagai Senator selepas pilihan raya itu.

(END)